

B GB 12-10 00167 BH092

AAB

SISTEM SARAN BARU PERKHIDMATAN AWAM SEDIAKAN BONUS !!!

Mahathir - Bonus

KUALA LUMPUR, 12 Okt (Bernama) -- Kerajaan hari ini mengumumkan sistem saraan baru yang lebih fleksibel bagi sektor awam, termasuk memperkenalkan imbuhan tahunan atau bonus bagi kakitangan kerajaan, berkuatkuasa 1 Januari tahun depan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika mengumumkan sistem saraan baru itu berkata, imbuhan tahunan itu akan diberi dari semasa ke semasa, mengikut kemampuan kewangan kerajaan.

Sistem itu juga mengandungi komponen berubah, di samping gaji pokok dan imbuhan tetap seperti elaun khidmat awam, elaun keraian dan bayaran bantuan sewa rumah, katanya pada persidangan akhbar di Jabatan Perdana Menteri, di sini.

Katanya, komponen berubah itu merupakan unsur baru bertujuan memberikan galakan seperti bayaran insentif bagi perkhidmatan kritikal dan imbuhan tahunan.

Serentak dengan pelaksanaan sistem saraan baru itu, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, struktur perkhidmatan awam akan turut diubah daripada 574 skim perkhidmatan yang ada sekarang kepada 19 klasifikasi perkhidmatan. -- lagi

♥12/10/14-54MST

CIN 1901

B GB 12-10 00161 BH093

AAB

Mahathir - Bonus 2 Kuala Lumpur !!!

Setiap satu daripada 19 klasifikasi perkhidmatan itu akan diperuntukkan tangga gaji baru dalam bentuk jadual gaji matriks (MSS), yang bergantung kepada keperluan dan kepentingan bidang peranan dan fungsi perkhidmatan.

Berbanding dengan struktur tangga gaji selapis yang diamalkan sekarang, sistem bar-u itu membolehkan kenaikan gaji berganda, yang akan dibuat berdasarkan penilaian terhadap prestasi pekerja, kata Datuk Seri Dr Mahathir.

Beliau berkata, ini bermakna kakitangan akan dinilai berdasarkan empat kategori iaitu sama ada tidak memuaskan, memuaskan, baik dan cemerlang dan akan menerima faedah pergerakan gaji yang berlainan mengikut MSS.

+Kakitangan dan pegawai kerajaan yang berpotensi dan menunjukkan pencapaian prestasi yang baik dan cemerlang sudah tentu menikmati peluang peningkatan gaji yang lebih cepat, + kata Perdana Menteri.

Ketika ditanya sama ada penilaian akan dibuat secara adil oleh ketua jabatan, beliau berkata penilaian kakitangan bukan sahaja dibuat oleh ketua jabatan tetapi juga oleh jawatankuasa penilaian khas. -- lagi

♥12/10/14-59MST

CNS7971

B GB 12-10 00126 BH097

AAB

Mahathir - Bonus 3 Kuala Lumpur

Da tuk Seri Dr Mahathir berkata, sistem baru itu juga menyediakan peluang kemajuan kerjaya dengan memperluaskan peruntukan kenaikan pangkat secara latihan.

Perdana Menteri berkata, kakitangan kerajaan juga akan menerima 'kenaikan gaji antara lapan dan 10 peratus mengikut klasifikasi perkhidmatan apabila sistem baru itu dilaksanakan pada 1 Januari tahun depan.

Struktur baru itu juga melibatkan penyusunan semula keempat-empat Kumpulan Gaji A, B, C dan D, yang ada sekarang, kepada tiga peringkat kumpulan.

Kumpulan-kumpulan itu dikenali, sebagai Kumpulan 'Pengurusan Tertinggi,' Kumpulan Pengurusan dan Professional dan Kumpulan Sokongan.

Pembahagian baru itu akan memberikan pengiktirafan yang sewajarnya kepada tahap pengalaman, bakat dan kemahiran, selain daripada semata-mata memberi penekanan kepada kelulusan akademik. -- lagi

♥12/10/15-24MST

CNS7976

B GB 12-10 00174 BH098

AAB

Mahathir - Bonus 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Datuk Seri Dr Mahathir memberi contoh penari kebudayaan yang mempunyai peranan penting dan bakat istimewa untuk memperkenalkan imej negara perlu mendapat ganjaran yang setimpal walaupun tidak berkelulusan tinggi.

Beliau berkata, tujuan kerajaan memperkenalkan konsep perkhidmatan kritikal dengan menyediakan bayaran insentif sebagai galakan adalah bagi mengekalkan anggota perkhidmatan berkenaan seperti doktor.

Perdana Menteri berkata, perkhidmatan lain yang dianggap sebagai kritikal ketika ini ialah pengajar ketukangan, penjaga jentera elektrik, jururawat dan tukang.

Kadar yang ditetapkan bagi bayaran insentif ialah 10 peratus bagi Kumpulan Sokongan dan lima peratus bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, badan berkanun yang menjalankan fungsi bercorak komersil dan pelaburan serta mempunyai pengurusan, dan sumber kewangan yang kukuh diasingkan daripada sistem saraan baru itu.

Buat permulaan, lima agensi di bawah kumpulan tersebut iaitu Bank Simpanan Nasional, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Lembaga Urusan dan Tabung Haji, Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan Pertubuhan Keselamatan Sosial, akan mempunyai skim perkhidmatan sendiri, -- Bernama

♥12/10/15-32MST